

b604

MAHATHIR-NEGERI 金'金'金'

1981

KOTA KINABALU, 17 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI SABAH DAN SARAWAK TIDAK HARUS MENGAMBIL SIKAP BAHAWA TERDAPAT PERHUBUNGAN ISTIMEWA ANTARA MEREKA DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KERANA KEDUA-DUANYA MEMPUNYAI TARAF YANG SAMA DENGAN NEGERI-NEGERI LAIN.

+SEMUA NEGERI DI MALAYSIA MEMPUNYAI HUBUNGAN DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN IA TIDAK TERBATAS KEPADA SABAH DAN SARAWAK SAHAJA.+ UJAR BELIAU.

+TETAPI YANG PENTING IALAH TIDAK WUJUD SIKAP BAHAWA TERDAPAT PERHUBUNGAN ISTIMEWA ANTARA SABAH DAN SARAWAK DENGAN KERAJAAN PUSAT.+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI AKHIR LAWATAN LIAH BERNYA KE SABAH.

PERDANA MENTERI BERKATA SABAH DAN SARAWAK SAMA JUGA SEPERTI NEGERI-NEGERI LAIN KECUALI MEREKA DIBERI PERTIMBANGAN KHAS KERANA KEDUA-DUANYA MENYERTAI MALAYSIA TERKEMUDIAN DAN DIPISAHKAN OLEH LAUTAN DARIPADA ARUS KEGIATAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR LEBIH CEPAT RAKYAT MENSIFATKAN DIRI MASING-MASING SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA DAN TIDAK SEBAGAI PENDUDUK SABAH, SARAWAK ATAU JOHOR, LEBIH BAIK IANYA BAGI PERPADUAN NEGARA. -- BERSAMBUNG 1808XSZ

157

B605

MAHATHIR-NEGERI 2 KOTA KINABALU

MENGENAI KEKURANGAN TENAGA KERJA DI SABAH, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA YANG PENTING IALAH PENDUDUK DI LUAR NEGERI INI TIDAK DATANG KE SINI UNTUK MENGAMBIL ALIH KERJA DARI PENDUDUK TEMPATAN.

KATANYA, TERDAPAT KEKURANGAN KAKITANGAN TEKNIKAL DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DI SABAH DAN SEKIRANYA ADA ORANG-ORANG INI MEREKA HENDAKLAH DATANG BEKERJA DI NEGERI INI.

+SABAH TELAH PUN MENCURI BEBERAPA ORANG DARI SEMENANJUNG. KAMI MENGHANTAR JENERAL DAN PEGAWAI POLIS KE SINI DAN MEREKA BERSARA SERTA TERUS MENETAP DI SABAH,+ KATANYA BERSELOROH.

MENGENAI PERMINTAAN KERAJAAN SABAH SUPAYA DITAMBAH PERUNTUKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERMOHONAN SERUPA ITU BUKAN SAHAJA DITERIMA DARI SABAH TETAPI JUGA DARI NEGERI-NEGERI LAIN SEHINGGAKAN NEGERI YANG PALING KECIL IAITU PERLIS TIDAK PUASHATI DENGAN PERUNTUKANNYA.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA SABAH TELAH DIBERIKAN SALAH SATU PERUNTUKAN TERBESAR DI BAWAH RME DAN RANCANGAN-RANCANGAN SEBELUMNYA KERANA NEGERI INI MEMERLUKAN WANG YANG BANYAK UNTUK MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN DAN KERAJAAN MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK MENELAN BELANJA YANG LEBIH DI SABAH.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA PERUNTUKAN KEWANGAN DIBUAT BERDASARKAN KEDAPATAN WANG +DAN KAMI TIDAK BOLEH MEMBERI LEBIH DARIPADA APA YANG TERMAMPU.+ -- BERSAMBUNG 1810/SZ

MAHATHIR-NEGERI 3 KOTA KINABALU

MENURUTNYA, SETENGAH-SETENGAH NEGERI TIDAK MEMBELANJAKAN KESEMUA WANG YANG DIPERUNTUKKAN TETAPI BAGI SABAH, SETIAP SEN TELAH DIBELANJAKAN KERANA KEPESATAN PEMBANGUNANNYA.

+SAYA MENGUCAPKAN SYABAS ATAS KECEKAPAN MEREKA TETAPI SAYA TIDAK DAPAT MEMBERI LEBIH DARIPADA ITU,+ KATANYA. -

DITANYA TENTANG KEMUNGKINAN DIBUKA SEBUAH LAGI KASINO, MUNGKIN DI SABAH, PERDANA MENTERI MERUJUK SEMULA KEPADA KENYATAAN BARU-BARU INI BAHAWA SEBUAH KASINO SUDAH MENCUKUPI.

+SAYA TIDAK TAHU SAMADA ADA PADA KEESOKAN HARINYA SAHAM GENTING HIGHLANDS MEROSOT ATAU TIDAK. SAYA TIDAK BERNIAT UNTUK MENARIK BALIK LESEN KASINO TERSEBUT, SEKURANG-KURANGNYA SEKARANG, TETAPI SAYA BERPENDAPAT SESEBUAH NEGARA YANG GERBANTUNG PADA PERJUDI UNTUK HIDUP-MATINYA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG BANGKRAP, BANGKRAP DARI SEGI IDEA,+ TAMBAHNYA.

+KAMI TIDAK MAHU MENDAPATKAN WANG DARIPADA ORANG-ORANG YANG KALAH BERJUDI DAN SAYA PERNAH DIBERITAHU BAHAWA ADA ORANG-ORANG YANG MEMBUNUH DIRI SELEPAS BERKUNJUNG KE KASINO.+
— BERSAMBUNG 1833/SZ .

B619

MAHATHIR-NEGERI 4 KOTA KINABALU

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BELIAU TIDAK MAHU RAKYAT MALAYSIA MENGALAMI TEKanan SEPerti ITU DAN BELIAU BERPENDAPAT ADALAH BURUK BAGI MALAYSIA DAN JUGA SABAH MEMPUNYAI KASINO.

SABAH, KATANYA, TELAH BERKEMBANG MAJU DARI SEGI EKONOMI HASIL SUMBER-SUMBER MINYAK, GAS DAN KAYU-KAYANNYA DAN BELIAU PERCAYA PEMBERIAN LESEN KASINO TIDAK AKAN BANYAK MEMBANTU NEGERI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PALING BANYAK YANG DIPEROLEHI OLEH KASINO DI GENTING HIGHLANDS SEKARANG TALAH KIRA-KIRA \$50 JUTA -- +SATU JUMLAH YANG KECIL BAGI SABAH.+

+SUDAH TENTU SEKIRANYA KITA MEMBERIKAN 100 LESEN KASINO, KITA TIDAK AKAN MENDAPAT SEBARANG WANG KERANA MEREKA AKAN BERSAING ANTARA SATU SAMA LAIN.+ -- BERNAMA 1837/SZ